



## MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU

06000 Jitra, Kedah Darul Aman

Tel : 9183300 / 9183317

### KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor Gred G1@G2@G3 BUMIPUTERA yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Suruhanjaya Tenaga dan berdaftar dengan **Majlis Perbandaran Kubang Pasu** yang masih sah tempohnya bagi menyertai sebut harga berikut :

NOMBOR DAN TAJUK SEBUTHARGA	GRED PENDAFTARAN/ KATEGORI PENGKHUSUSAN	BAYARAN	TARIKH DOKUMEN DIKELUARKAN	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA
Cadangan Menaiktaraf Pencapaian di Lokasi Terpilih untuk Kawasan Bandar Darulaman Jaya, Majlis Perbandaran Kubang Pasu (MPKP/SH(K)/2/2023)	<b>G1@G2@G3</b>  <b>E04, E11, E16 &amp; E17</b>	Pendaftaran Kontraktor : mengikut Gred  Dokumen : <b>RM30.00</b>	Dijual mulai <b>02 April 2023</b> Sehingga <b>06 April 2023</b>	<b>09 April 2023</b> <b>Jam : 12.00</b> <b>tengahari</b>

2. Dimaklumkan juga bahawa bermula 01 November 2021, Pembekal Bekalan / Perkhidmatan / Kontraktor yang ingin menyertai sebut harga Majlis Perbandaran Kubang Pasu dikehendaki membuat pendaftaran pembekal / kontraktor dengan Majlis selaras dengan **Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman Bil.2 Tahun 2019 : Garis Panduan Pendaftaran Kontraktor Kerja, Pembekalan / Perkhidmatan, dan Firma Perunding Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman**. Borang pendaftaran boleh dimuat turun melalui portal Majlis Perbandaran Kubang Pasu.

3. Dokumen sebut harga akan dijual dalam bentuk soft copy. Untuk semakan kelayakan, kontraktor perlu emelkan Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Sijil Suruhanjaya Tenaga serta borang permohonan pembelian dokumen sebut harga ke emel [perolehanmpkubangpasu@gmail.com](mailto:perolehanmpkubangpasu@gmail.com). Sekiranya layak, resit pembelian dokumen sebut harga akan dikeluarkan untuk tujuan pembayaran. Waktu urusan permohonan serta pertanyaan mengenai sebut harga seperti berikut :

AHAD – RABU : 8.30 Pagi – 4.00 Petang  
KHAMIS : 8.30 Pagi – 3.00 Petang

4. Penyebut harga perlu melampirkan bukti pembayaran ke emel [perolehanmpkubangpasu@gmail.com](mailto:perolehanmpkubangpasu@gmail.com)
5. Dokumen sebut harga akan diberikan melalui emel setelah bukti pembayaran diterima. **Dokumen sebut harga yang dibeli perlu dicetak dan dibukukan / didokumentasikan bersama dokumen sokongan yang diwajibkan.**
6. Lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Syarikat / Kontraktor boleh melawat sendiri atau tapak berkenaan bagi membantu syarikat / kontraktor mendapatkan maklumat dengan lebih tepat. Sila patuhi amalan penjarakan, penggunaan *hand sanitizer* dan pemakaian *face mask* adalah perlu diteruskan.
7. Dokumen Sebut harga yang telah disempurnakan hendaklah di masukkan ke dalam sampul surat yang berlakri / bermeteri. Jenis Kerja Tawaran dan Nombor Tawaran hendaklah di nyatakan di muka hadapan sampul surat tersebut dengan terang dan jelas dan di alamatkan kepada **YANG DIPERTUA, MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU, 06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN** dan dimasukkan terus ke dalam peti tawaran berkenaan di **MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU** pada atau sebelum jam 12.00 tengahari bertarikh seperti tersebut di ruangan tarikh tutup sebutharga.
8. Jika sebut harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, penyebut harga hendaklah memastikan sendiri bahawa dokumen tersebut selamat dihantar ke alamat yang telah ditetapkan dan dimasukkan ke dalam peti tawaran sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga. MPKP tidak akan bertanggungjawab atas kelewatan penerimaan dokumen syarikat. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.



BADRULHISHAM BIN HJ SULAIMAN, AMK.,BCK.  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU

Tarikh Iklan : 30 MAR 2023



**MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU**  
**BORANG PERMOHONAN PEMBELIAN DOKUMEN SEBUT HARGA**

Nama Syarikat / Individu	
Alamat	
Nama Pegawai Syarikat (seperti dalam sijil)	
No. Kad Pengenalan	
No. Telefon (P) / Faks	
No. Telefon (HP)	
Email	
Tajuk Sebut Harga	<b>Cadangan Menaiktaraf Pencahayaan Di Lokasi Terpilih untuk Kawasan Bandar Darulaman Jaya, Majlis Perbandaran Kubang Pasu MPKP/SH(K)/2/2023 (RM 30.00)</b>

Wajib lampirkan bersama salinan sijil-sijil berikut :

1. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang masih sah tempoh.
2. Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB yang masih sah tempoh.
3. Sijil Kontraktor Kerja Taraf Bumiputera (PKK) yang masih sah tempoh.
4. Sijil Suruhanjaya Tenaga yang masih sah tempoh.
5. Salinan Kad Pengenalan Pengurus Syarikat

Peringatan :

- ❖ Sila pastikan semua sijil masih sah dan mempunyai Gred, Kategori dan Pengkhususan seperti yang dinyatakan dalam iklan sebelum pembayaran dilakukan.
- ❖ Sila kemukakan borang ini berserta Salinan sijil-sijil ke email [perolehanmpkubangpasu@gmail.com](mailto:perolehanmpkubangpasu@gmail.com)

Tandatangan dan cop syarikat :

Nama :

Tarikh :